

Sistem Perubatan Tradisional Orang Petalangan Yang Terhakis di Kabupaten Pelalawan, Provinsi Riau, Indonesia

YOSERIZAL & JAMALUDDIN MD. JAHI

ABSTRAK

Masyarakat suku Petalangan yang menetap dan tersebar di kabupaten Pelalawan, Riau yang peradaban dan kebudayaannya tergolong moden, masih sangat percaya dengan sistem perubatan tradisional mereka, padahal disekitaran tempat tinggal mereka telah tersedia Puskesmas, bidan desa dan juga doktor perubatan. Namun demikian sistem perubatan tradisional mereka pada masa ini mengalami krisis disebabkan semakin terhakisnya tanaman hutan yang menjadi sumber bahan perubatan mereka. Pelbagai tanaman hutan yang semula tersedia di persekitaran mereka, telah teruk akibat degradasi tanah dan penyahhutan, serta digantikan dengan tanaman monokultur, pada hal kepercayaan mereka terhadap perubatan tradisional masih sangat kuat.

Kata kunci: sistem perubatan tradisional, Puskesmas, tumbuhan hutan

ABSTRACT

Petalangan tribal communities settling and dispersed in the Pelalawan regency, Riau are classified as modern civilised and cultured people, but they still believe in their traditional medicine systems despite the fact that they live within the vicinity of health centers, midwives and medical doctors. However, currently their traditional medicine system is experiencing crisis due to the fact that less and less forest plants which are the source materials used in their traditional medicine are not readily available. A variety of plants available in the original forest around them have been greatly reduced due to land degradation and deforestation, and replaced by the development of monoculture crops, despite the fact that their belief in traditional medicine is still very strong.

Key words: traditional medicine system, health centre, forest vegetation

PENGENALAN

Sistem perubatan tradisional membahagi kategori penyakit kepada dua, pertama penyakit yang "biasa" (alami) dan kedua penyakit "luar biasa" (disebabkan oleh kekuatan ghaib), sedangkan ilmu perubatan moden tidak mengenal penyakit yang "luar biasa" seperti itu. Sekarang ini semakin banyak masyarakat yang memilih penyembuhan penyakitnya melalui perubatan alternatif. Hal ini bukan berarti masyarakat tidak lagi percaya dengan perubatan medis, namun mengingat zaman sekarang apabila seseorang sakit yang ada difikiran mereka adalah biaya yang sangat mahal, maka sering terjadi penyakit didiamkan berlama-lama dan akhirnya bertambah teruk, kerana tidak ada inisiatif mencari tempat perubatan yang lebih terjangkau dan lebih terjamin penyembuhannya.

Perubatan alternatif menjadi salah satu rujukan masyarakat untuk menyembuhkan pelbagai penyakit yang dialaminya dan ini berimpak kepada makin menjamurnya tempat-tempat perubatan alternatif yang menawarkan jasa perubatan mereka.

Keesing (2005) dan Suparlan (2004), menegaskan bahawa dasar masyarakat menyukai perubatan tradisional adalah berkaitan dengan sistem kepercayaan. Sistem kepercayaan meliputi pelbagai aspek di mana sifat umumnya adalah berkaitan dengan keyakinan. Keyakinan di sini adalah terhadap segala ilmu pengetahuan yang mencakup alam semula jadi dan alam manusia tanpa kaitan dengan agama, dan boleh juga kepercayaan terhadap segala ilmu pengetahuan tentang alam semula jadi dan alam manusia yang terkait dengan konsep agama (kekuatan ghaib).

Sejak dahulu, orang Melayu sangat mengandalkan alam semula jadi untuk memenuhi pelbagai keperluan hidupnya. Misalnya untuk makan, tempat berteduh, pakaian, ubat, lauk-pauk, parfum, dan bahkan untuk kecantikan dapat diperolehi daripada lingkungannya. Sehingga kekayaan alam semula jadi sebenarnya sangat bermanfaat dan belum sepenuhnya digali, dimanfaatkan, bahkan belum dikembangkan.

Orang Melayu telah lama mengenal dan menggunakan tanaman berkhasiat ubat tradisional sebagai upaya dalam mengatasi masalah kesihatan. Pengetahuan tentang tanaman berkhasiat tersebut berdasarkan pada pengalaman dan keterampilan yang secara turun temurun yang diwariskan dari satu generasi ke generasi berikutnya.

SISTEM PERUBATAN DALAM PERSPEKTIF TEORI FUNGSIONALISME


Menurut aliran struktural fungsional, bahawa pranata-pranata utama dalam setiap kebudayaan berhubungan satu dengan yang lain dan memiliki fungsi khusus dalam hubungannya satu sama lain. Setiap pranata (termasuk puskesmas dan perdukunan) amat penting bagi berfungsinya secara normal kebudayaan di mana pranata itu berada, dan selanjutnya memerlukan pula yang lainnya untuk kelanjutan kewujudannya. Itulah sebabnya, menurut Malinowski (2004), fungsi dari satu unsur budaya adalah kemampuannya untuk memenuhi beberapa keperluan dasar atau beberapa keperluan yang timbul dari keperluan dasar. Dengan orientasi teoritik ini, dapat dijelaskan bagaimana fungsi pengetahuan dalam penentuan seorang penyembuh (dukun atau doktor) itu berjalan dalam suatu masyarakat.

Koentjaraningrat (2001: 25) menyatakan sistem nilai budaya itu terdiri dari konsep-konsep yang hidup dalam alam pikiran sebahagian besar warga masyarakat, mengenai hal-hal yang harus mereka anggap amat bernilai dalam hidup. Kerana itu, suatu sistem nilai budaya biasanya berfungsi sebagai pedoman tertinggi bagi kelakuan manusia. Sebagai bahagian dari adat-istiadat dan wujud ideal dari kebudayaan. Sistem nilai-budaya seolah-olah berada di luar dan di atas dari para individu yang menjadi warga masyarakat yang bersangkutan. Para individu itu sejak kecil telah diresapi dengan nilai-nilai budaya yang hidup dalam masyarakatnya sehingga konsepsi-konsepsi itu sejak lama telah berakar dalam alam jiwa mereka. Itulah sebabnya nilai-nilai budaya tadi sukar diganti dengan nilai-nilai budaya lain dalam waktu singkat.

Kedudukan nilai-nilai budaya ini pada setiap komuniti adat tentunya tidak sama, demikian pula orientasinya daripada nilai-nilai itu pada setiap komuniti. Dalam kaitan dengan penentuan pilihan berubattupun peranan nilai-nilai budaya menjadi unik. Apa yang mendasari penentuan itu dapat dilihat pada model muatan unsur pengetahuan pada tiga wujud kebudayaan. Model ini merupakan penyederhanaan pemikiran dari hubungan terkait antara unsur-unsur universal kebudayaan dengan tiga wujud kebudayaan.

Lebih jelas tentang bagaimana interaksi ketiga wujud budaya itu berjalan dapat diamati pada Rajah 1. Bahawa, gagasan untuk memilih dan menentukan sesuatu sebagai arah penyembuhan dari rasa sakit ada pada kolum I, tindakan untuk merealisasi gagasan (kolum I) itu berada pada kolum II, sedangkan kolum III adalah hasil pemilihan dan penentuan berdasarkan kolum I dan kolum II. Dengan demikian kolum I termasuk

unsur kebudayaan ideasional (non material) sedang unsur II dan III adalah budaya material yang merupakan perwujudan dari kolum I.



Rajah 1. Wujud kebudayaan
Sumber: Diubahsuai dari Koentjaraningrat 2001

Muatan budaya dari unsur pengetahuan (Kolum 1) iaitu berupa gagasan tentang sesuatu, sedangkan muatan sosial dari unsur pengetahuan itu berupa tindakan dan atau perilaku untuk mewujudkan gagasan tentang sesuatu tadi. Dengan demikian, alam fikiran, nilai, norma, sistem pengetahuan dan pengalaman diwujudkan dalam budaya material dari pengetahuan dapat berupa perilaku dan benda hasil karya yang diwujudkan dari gagasan itu melalui suatu aktiviti. Aktiviti di sini dapat berupa orientasi pola pengubatan dan pengambilan ubat yang diyakini sebagai alat atau media penyembuhan.

Kembali pada upaya untuk memahami aliran struktural fungsional dalam memetakan masalah pengubatan modern maupun tradisional ini, maka jika kita hendak memahami suatu bahagian atau struktur tertentu, kita harus melihat fungsinya terhadap keseluruhan sistem itu. Model ini tidak mempersoalkan sejarah terbentuknya “*suatu kebiasaan atau praktik dalam masyarakat, akan tetapi yang akan dilihat adalah konsekuensinya*” bagi kehidupan dan perkembangan masyarakat berkenaan. Pendekatan struktural fungsional ini hanya melihat bahawa segala praktik serta struktur dalam masyarakat pastilah memiliki fungsi bagi kelangsungan hidup suatu kelompok sosialnya. Model lain dari pendekatan ini adalah model keseimbangan (*equilibrium*), iaitu merujuk pada suatu proses yang secara automatik (kerana mekanisme yang ada) untuk menemukan keseimbangannya kembali bila suatu bahagian dari

sistem itu mengalami suatu gangguan (Sugihen 2006 : 64). Dalam praktik ini sistem kepercayaan pengobatan tradisional mahupun perubatan modern dianggap sebagai proses penyeimbang untuk memperoleh keseimbangan baru dalam suatu sistem (individu/kelompok) dalam pencapaian suatu tujuan mencari kesembuhan.

Dari pandangan struktur fungsional ini, wajarlah bila kewujudan perdukunan masih tetap ada sampai saat ini kerana masih diperlukan dan masih dicari-cari oleh para konsumennya dan juga masih memiliki nilai fungsi sosial dan fungsi latent. Ini bermakna praktik perdukunan itu masih memiliki nilai fungsional dalam masyarakat, kerana masyarakat masih memiliki mentaliti primitif. Sekarang pertanyaannya, mengapa manusia masih memerlukan bantuan seorang dukun dalam mengharungi seluruh hidupnya terutama ketika mengalami rasa sakit (*illness*).

Menjawab persoalan ini dapat merujuk pada seorang ahli antropologi Inggeris, iaitu Frazer (2001) yang menjelaskan melalui *teori batas akal*-nya, bahawa serasional-rasionalnya suatu masyarakat (manusia) pasti ada batas akalnya. Akal manusia itu tidak mampu melakukan transendensi. Ini bermakna seluruh persoalan hidup manusia (termasuk penyakit dan rasa sakit) itu akan dicuba lebih dahulu untuk diselesaikan persoalannya dengan akal dan sistem pengetahuannya masing-masing individu, tetapi akal dan sistem pengetahuan manusia itu ada batasnya.

Persoalan-persoalan seperti rasa sakit dan penyakit, pastilah setiap orang mula-mula akan mencari proses kesembuhannya melalui usahanya sendiri. Tetapi bila usaha itu gagal maka mereka akan mencari alternatif lain. Alternatif-alternatif tersebut bila sudah diupayakan tetapi manusia itu tidak mampu segera mengatasinya, baik itu kerana kekurangan fahaman, keterbatasan pengalamannya - maupun kemampuannya mengatasi rasa sakit dan kecemasannya. Maka manusia itu akan kehabisan batas akalnya, dan alternatif satu-satunya adalah manusia tersebut lari pada dunia magi-religi, iaitu mencari kebenaran hakiki dengan jalan berdoa, atau jalan pintas lain iaitu dengan meminta pertolongan orang yang dianggap mampu menjembatani atau membantu untuk masuk ke alam supranatural dalam hal ini adalah dukun, syaman, orang pintar, para normal, penyembuh atau apapun namanya (khusus dalam kajian ini digunakan istilah silih berganti).

Menurut Foster dan Anderson (2006) pranata-pranata kesihatan tidak berbeza halnya dengan hal itu. Kerana kepercayaan masyarakat terhadap penyakit sangat terjalin erat dengan magik dan agama mereka sehingga tidak mungkin untuk dipisahkan keduanya. Menurut Foster dan Anderson lagi, mitologi mungkin penting untuk menjelaskan kosmologi, dewa-dewa,

supranatural dan mahluk-mahluk lain yang sering mendatangkan penyakit (Foster & Anderson 2006: 48).

Itulah sebabnya dalam kosmologi penyembuh suku Jawa menurut Rienks (2006) dan Sugihen (1996) penduduk desa di Jawa umumnya membezakan antara *Tiyang biasa* (manusia biasa), *tiyang pinter* (orang pintar) dan *tiyang saged* (orang yang bisa) atau dalam bahasa Jawa kasarnya *wong biasa*, *wong pinter* dan *wong bisa*. Secara umum hal ini melibatkan perbaikan karakter dalam (bathin) sampai mencapai batas konstitusi spiritual orang itu sendiri.

Dengan demikian orang desa menilai seorang penyembuh itu berdasarkan kriteria pokoknya yang didasarkan pada:

1. Mutu bathin penyembuh itu (suatu penilaian tentang karakter dalam mutu bathin).
2. Kualiti lahir penyembuh itu (suatu penilaian tentang tingkah lakunya).
3. Berapa dalamnya *ngelmu* penyembuh itu (ilmu rahsia didasarkan pada pengertian alam gaib). Persyaratan penting bagi perawatan kesihatan tradisional ini biasanya adalah *ngelmu* si penyembuh dan si pesakit harus cocok.

Berdasarkan kriteria itu, maka menjadi dukun tampaknya lebih sulit daripada menjadi doktor. Untuk menjadi doktor hanya diperlukan kemampuan intelektual dan ekonomi untuk mengunjungi suatu Perguruan Tinggi, tetapi untuk dianggap sebagai dukun harus melibatkan pengembangan dan pengaturan tingkah laku secara ketat dalam pengawasan masyarakat. Di sisi lain, tentang bagaimana status ini diperoleh terlihat pula dari cara memberikan imbalan. Transaksi kewangan dengan penyembuh tradisional bukan dianggap sebagai bayaran seperti dilakukan pada doktor tetapi dianggap sebagai *penetep*, tanda hormat dan terima kasih. Dalam kes-kes tertentu proses penyembuhan dilakukan dengan jalan *slametan*. Bantuan yang berulang kali akan membentuk suatu hubungan yang sangat penting, iaitu hubungan patron-klien antara penyembuh dan pesakit. Hal mana tidak akan terjadi dalam dunia perubatan modern. Demikian eratnya hubungan antara penyembuh tradisional dengan pesakit, seorang dukun disamping mengubati orang sakit juga memberikan nasihat, membuat ramuan cinta, menemukan barang yang hilang dan lain-lainnya.

Namun dalam praktiknya, seringkali dukun melakukan praktik rangkap (*multi practice*) dengan menggunakan kepercayaan budaya sebagai alat diagnostik dan pengobatan utamanya. Pengobatan demikian umumnya

dapat memberikan rasa aman (*security feelings*) yang tidak akan mereka peroleh bila mereka berubat ke doktor.

Dengan demikian jelaslah mengapa manusia masih memerlukan seorang dukun, ternyata bukan hanya disebabkan kerana penyakit sahaja, tetapi juga kerana seluruh persoalan tentang kehidupan mereka, bisa jadi persoalan berupa jodoh, rezeki, sakit, dan sebagainya dapat tertuntaskan.

Selanjutnya penggunaan magik (oleh dukun) bagi keperluan manusia sebenarnya hanya suatu pilihan. Manusia dalam menghadapi sesuatu itu akan memilih untuk meyakini dan melaksanakan agama dan akal sihatnya atau menggunakan magik. Keadaan yang menyebabkan itu semua, oleh aliran struktural fungsional disebabkan hasil dari tiga karakteristik dasar kewujudan manusia, di mana:

1. Hidupnya selalu dalam keadaan ketidakpastian,
2. Kesanggupan manusia untuk mengendalikan dan untuk mempengaruhi keadaan hidupnya, walaupun kesanggupan tersebut kian meningkat, namun pada dasarnya terbatas dan
3. Keharusan untuk hidup bermasyarakat di mana akan terdapat peruntukan pelbagai fungsi, fasiliti dan ganjaran yang langka jumlahnya.

Demikianlah bagaimana penting esensinya peranan perdukunan itu dalam kelangsungan hidup manusia, sehingga terkadang memang sulit digantikan oleh penyembuhan secara modern, apalagi dalam konteks masyarakat desa.

PERUBATAN TRADISIONAL ORANG PETALANGAN

Bila dilihat dari penyebaran fasiliti perubatan moden seperti Puskesmas (Pusat Kesehatan Masyarakat), Puskesmas Pembantu, Bidan Desa, Doktor dan para medis lainnya ternyata cukup menyebar dan relatif terjangkau pada seluruh pelosok desa di Indonesia. Begitu juga dengan biaya rawatan yang murah (Rp 5,000 - sekali rawatan) bahkan banyak pula yang percuma, tetapi masih ramai sekali anggota masyarakat yang memilih perubatan tradisional dalam penyembuhan penyakit yang mereka alami, pada hal perubatan tradisional kosnya juga relatif mahal. Fenomena seperti ini di Provinsi Riau khususnya pada komunitas Melayu Petalangan masih sangat banyak terjadi.

Pentadbiran perubatan tradisional yang beroperasi di masyarakat cukup ramai, kepercayaan masyarakat terhadap perubatan tradisional

terbilang cukup kuat. Jika sakit, masyarakat langsung memilih perubatan ini, meskipun ubat-ubatan tradisional pengolahannya masih sederhana dan terkesan kurang bersih.

Perubatan secara tradisional kini makin gencar penggunaannya, kerana lebih mudah dijangkau masyarakat, baik dari segi kos rawatan mahupun ketersediaannya. Ubat tradisional pada masa ini banyak digunakan kerana menurut beberapa penyelidikan tidak terlalu menyebabkan kesan sampingan kerana masih boleh dicerna oleh tubuh. Terdapat beberapa syarikat mengolah ubat-ubatan tradisional yang dimodifikasi lebih lanjut. Bahagian dari ubat tradisional yang biasa dimanfaatkan adalah akar, batang, buah, daun dan bunga, yang sebahagian besar berasal daripada tumbuhan hutan, namun hasilnya belum maksimum.

Komuniti Melayu Petalangan yang merupakan penduduk asli di Kabupaten Pelalawan, peradaban dan kebudayaan mereka relatif sangat maju pada masa ini. Ramai diantara mereka memegang jawatan di Lembaga Pemerintahan baik eksekutif, legislatif, dan yudikatif serta juga menjadi pengusaha. Diantara mereka juga banyak yang bekerja sebagai doktor, bidan dan juga paramedik lainnya. Namun demikian dalam perubatan pelbagai penyakit yang mereka alami, banyak diantara mereka masih mengutamakan penggunaan ramuan tradisional, yang pada umumnya diiringi dengan penggunaan jampi-jampi dan doa-doa kepada kekuatan ghaib dalam proses perubatannya. Gejala-gejala penyakit yang timbul dalam masyarakat Petalangan bermacam-macam seperti : sakit kepala, sakit perut, demam, bahkan penyakit yang teruk, yang hanya boleh diubati menggunakan perubatan tradisional. Walaupun di sekitar masyarakat terdapat Puskesmas dan Bidan Desa yang sentiasa memberikan pelayanan kesihatan kepada masyarakat, tetapi sebahagian masyarakat masih tetap mengutamakan perubatan tradisional tersebut.

Dalam kehidupan masyarakat Melayu Petalangan terdapat beberapa orang dukun yang mempunyai keahlian masing-masing, yang pada intinya untuk mengubati orang yang terkena penyakit diantaranya:

1. Dukun Bodeo.
2. Dukun Belian.
3. Dukun Kampung.
4. Dukun Beranak.
5. Dukun Patah.
6. Dukun Barang Berbisa (Racun).

Dalam rawatan kesihatan yang paling banyak adalah dukun *Bodeo* dan dukun *Belian*. Para dukun ini melakukan rawatan melalui upacara

(*ritual*). Ritual *Bodeo* untuk mengubati penyakit yang dianggap ringan dan boleh diketahui gejalanya, sedangkan jenis penyakit yang tidak boleh disembuhkan oleh dukun *Bodeo* akan dilakukan dengan perubatan secara *Belian*. Berikut ini akan dijelaskan sistem rawatan kesihatan melalui upacara *Bodeo dan Belian*.

Badeo

Berdasarkan data di lapangan bahawa masyarakat Petalangan di Desa Betung, Kecamatan Pangkalan Kuras, Kabupaten Pelalawan menyakini bahawa pengubatan *Badeo* merupakan salah satu jalan untuk memperoleh kesembuhan bagi orang yang sakit, kerana mereka mempercayai berubat dengan cara *Badeo* akan mendatangkan kesembuhan, selain alasan tersebut pengubatan *Badeo* juga di pandang ekonomis di segi biaya bila dibandingkan dengan berubat ke rumah sakit, kerana sang dukun tidak memasang tarif/harga khusus bagi orang yang ingin berubat kepadanya. Biasanya sang dukun beserta rakannya dalam mengubati si sakit hanya dijamu makan sebelum dan sesudah upacara pengubatan dilaksanakan, dan diberi wang lelah sekadarnya, kerana profesi sebagai dukun ini bukan menjadi mata pencarian mereka, melainkan hanya untuk menolong sesama.

Masyarakat suku Petalangan melakukan aktiviti ritual pengubatan dengan melibatkan tari dan musik. Ritual *Badeo* yang mereka laksanakan berfungsi sebagai pengubatan dan penolak bala. Tari dan musik pada upacara ini merupakan satu kesatuan yang bertujuan untuk memanggil leluhur/roh untuk diminta pertolongan dalam penyembuhan penyakit.

Berdasarkan data di lapangan bahawa *Badeo* merupakan upacara pengubatan yang terdapat pada masyarakat Petalangan. Aktiviti ritual magis yang dilaksanakan dalam upacara tersebut terdiri dari seorang *Kemantan/Dukun* yang dibantu oleh seorang *Pebayu* (pembantu kemantan) yang ilmu kedukunannya setingkat di bawah *Kemantan* atau sudah mendekati *Kemantan*, satu sampai empat orang penari (tidak ada ketentuan yang mengikat) serta tiga orang pemusik.

Sebelum upacara ritual pengubatan *Badeo* dilaksanakan, ada beberapa persyaratan ketentuan yang harus dipersiapkan. Untuk lebih jelasnya persyaratan yang harus dipersiapkan dapat dilihat di bawah ini:

Persyaratan upacara pengobatan *Badeo*

- a. *Ancak*, terbuat daripada pelepah pohon klubi (sejenis pohon salak) merupakan tempat berbaring si sakit yang memerlukan pertolongan dalam upacara pengobatan.
- b. *Pedupaan*, tempat pembakaran kemenyan, pembakaran kemenyan dalam upacara *Badeo* berfungsi sebagai jalan penjemput dan pengantar pulang para dewa yang dipanggil.
- c. *Bertih*, sejenis beras yang direndam dan dimasukkan kedalam anyaman tikar rumbai daun pohon kelapa, berfungsi untuk makanan para dewa yang dipanggil.
- d. *Lilin Lebah* (*Dian*), terbuat daripada air liur binatang lebah. Jika lilin lebah ini tidak ada, maka lilin biasa yang digunakan dalam kehidupan kita sehari-hari dapat digunakan. Lilin berfungsi sebagai alat penerang bagi dewa dalam melaksanakan tugasnya.
- e. *Kulam*, sebuah mangkuk atau baskom atau panci yang diisi air, di dalam kulam tersebut terdapat *mayang pinang*, *todung seribu anak* (anyaman berbentuk ular yang terbuat dari daun kelapa), anyaman yang berbentuk burung dinamakan dengan burung mandi, olang kusumbo (nama burung helang) yang berfungsi sebagai pengobatan. Air dalam baskom tersebut di percikkan kepada sipasien dengan memakai alat dari anyaman yang dibuat seperti yang tertera di atas.
- f. *Anyaman Daun Kepu*, atau biasa juga dipergunakan daun kelapa. Daun ini dibuat berbagai macam anyaman yang berbentuk: Burung, bunga-bunga, (bunga tarik, bunga susun, kuda pelanduk, keris, jari lipan, ular tedung, ketupat, tali iyung, kumbang nonong, udang galah). Anyaman ini dipergunakan untuk perlengkapan *Ancak* atau balai-balai si sakit.
- g. *Daun Pisang*, yang telah kering atau setengah kering yang berfungsi untuk perlengkapan penari dalam mempertunjukkan gerak ular bidai. Daun pisang ini bermakna tempat bersarangnya ular.
- h. *Bunga-bunga*, terdiri dari beberapa macam jenis bunga seperti bunga kembang sepatu, melati, mawar, atau jenis bunga lainnya yang berfungsi sebagai alat untuk perlengkapan dewa dalam menari, sebab para dewa tersebut suka dengan hal-hal yang cantik dan yang harum harum.
- i. *Giring-giring*, diikatkan diujung tongkat api yang berfungsi sebagai alat musik para dewa menari.

- j. *Kemenyan*, dibakar dipedupaan yang berfungsi sebagai alat penjemput dan pengantar dewa pulang.
- k. *Tikar*, terbuat dari daun pandan yang berfungsi sebagai tempat berbaring sipasien atau si sakit.

Tempat dan waktu penyelenggaraan upacara *Badeo*

Berdasarkan data di lapangan bahawa seorang *Kemantan* terlebih dahulu menentukan tempat dan waktu yang terbaik dalam melaksanakan upacara ini. Dengan memberikan upacara dan sesaji yang telah disiapkan sebelumnya kepada dewa-dewa yang akan dipanggil. Pelaksanaan upacara ini disesuaikan dengan upacara yang akan dilakukan. Jika untuk mengubati orang sakit dilakukan di dalam rumah, boleh juga dilakukan di arena, hal ini disesuaikan atas permintaan dewa melalui perantara *Kemantan*. Untuk upacara tolak bala dilakukan di lapangan. Waktu pelaksanaannya dilakukan pada malam hari pukul 23.00 sampai selesai.

Proses ritual *Badeo*

Berdasarkan data di lapangan bahawa sebelum melakukan proses ritual seorang *Kemantan* terlebih dahulu harus mengetahui jenis penyakit dengan melakukan “tilik” (meramal). Selama *Kemantan* “bersebat” dengan akumannya akan mengalami *trance*, tingkah laku, gerak geri, suara dan sebagainya mengalami perubahan (terjadi *trance*). *Kemantan* akan menari, bernyanyi, mencari ubat dan sebagainya bukan lagi sebagai peribadi manusia biasa melainkan sudah “menyatu” dengan penguasa alam. Dalam tahap persebatian ini telah terwujud persebatian antara alam lahir dan alam halus. *Kemantan* mengatakan, bahawa saat inilah “alam besar diperkecil, alam kecil dihabisi, tinggal alam dalam dirinya”. Walaupun saat itu orang (pembayu, penari) melihat *Kemantan* menari, bernyanyi, hakikatnya perilaku *Kemantan* itu adalah perjalanan, dan akumannya menemui makhluk-makhluk halus dengan menyampaikan puji-pujian dan permintaan yang disampaikan (minta ubat) sebagai penawar penyembuhan bagi si pasien kepada dewa, dengan memakai alat penerang iaitu lilin yang terbuat daripada liur binatang lebah, atau lilin biasa yang dipakai sehari-hari untuk alat “cahaya/penerang penunjuk jalan oleh api”.

Ciri-ciri *trance* yang terjadi antara lain, gerak yang dibawakan tak terkendali secara spontan artinya makin lama makin cepat, dan kadang-kadang dilakukan makin lambat, mata merah, suara berubah. Perubahan ini terjadi dari permintaan dewa melalui si penari, umpamanya permintaan

lilin, yang disebut jarum halus, minyak wangi yang disebut cantik manis, kemenyan yang disebut asok nandung (asap kemenyan), gendang yang disebut sanungko, kain selandang yang disebut kain cindai. Berhasil atau tidaknya *Kemantan* memperoleh permintaannya kepada dewa dinyatakan setelah sadar. Kesadaran mereka dibantu oleh seorang pawang. Setelah sadar penari terlihat letih, lemah dan tak berdaya setelah melakukan aktivitiya.

Claude Levi-Straus menyebutkan dalam bukunya *Mitos Dukun dan Sihir*, keadaan yang dialami seseorang individu pada saat ia kehilangan kesadaran, dan mengalami keadaan khayal, yang disebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Keadaan ini merupakan keadaan disosiasi psikis yang ditandai oleh kurangnya gerakan yang dilakukan secara sengaja dan sering ditandai oleh terjadinya otomatis dalam tindakan dan fikiran. Keadaan tidak sadarkan diri sering dicontohkan dalam keadaan hipnotis dan “medium mistik” (keadaan peribadi berfungsi sebagai medium kabar roh-roh (1997 : 158). Aktiviti pengobatan dapat dilaksanakan setelah *Kemantan* mengetahui jenis penyakit yang diderita oleh si sakit serta keperluan-keperluan yang diperlukan untuk upacara pengobatan yang harus dipersiapkan. Berdasarkan data di lapangan bahawa tata cara yang harus dilakukan dalam upacara ini antara lain:

1. Penyediaan segala perlengkapan sesaji yang diperlukan seperti yang tertera di atas umpamanya seperti ancak, pedupaan, kemenyan, anyaman, bara, bertih, tongkat api, lilin dan sebagainya.
2. Selanjutnya si sakit ditidurkan terlentang di depan ancak.
3. Di sisi kiri dan kanan ancak, berdiri dua orang yang disebut *dubalang* yang bertugas untuk mengawasi kelancaran proses upacara pengobatan.
4. Para penari berada di sisi si sakit, penari ini sedikit sebanyak mempunyai ilmu *Dukun/Kemantan*.
5. *Kemantan*, yang bertindak sebagai *dukun*, ia juga bertindak sebagai pemusik.

Posisinya pada salah satu bahagian yang tidak jauh dari si sakit dan penari, dalam hal ini tidak ada ketentuan yang pasti.

Kegiatan pengobatan ini dimulai dengan urutan kegiatan sebagai berikut:

1. Kegiatan yang dinamakan persiapan perlengkapan pengobatan dan persiapan semua individu yang terlibat dalam upacara pengobatan ini.

2. Kegiatan menari dilakukan oleh beberapa orang penari (satu sampai empat penari, tidak ada ketentuan yang mengikat), dengan proses sebagai berikut:
 - a. Diawali dari proses duduk bersila sambil berkonsentrasi di sisi si sakit (pasien), membelakangi para hadirin yang ikut serta dalam menyaksikan upacara tersebut. Pukulan gendang dan nyanyian dikumandangkan oleh *Kemantan*.
 - b. Para penari mulai bergerak. Setiap jenis gerak yang dilakukan selalu diawali dengan posisi duduk. Beberapa saat kemudian penari mulai menggerakkan anggota tubuhnya iaitu bahagian bahu yang bergerak turun naik dari lambat makin lama makin cepat, mengikuti irama gendang yang dipukul oleh *Kemantan* dan nyanyian yang dikumandangkan. Menurut keterangan yang didapat dari *Kumantan* yang ikut serta menyaksikan upacara tersebut, petanda *deo/dewa* telah turun dan memasuki pada bahagian tubuh penari.
 - c. Penari mulai berdiri, di mana masing-masing penari bergerak satu sama lainnya melakukan gerakan menurut inspirasinya masing-masing. Jenis gerak yang dilakukan penari ditentukan oleh jenis lagu yang dikumandangkan oleh pemusik.

Lamanya waktu yang digunakan untuk melakukan suatu gerak tari tidak dapat ditentukan, kerana hal ini juga sangat bergantung kepada proses turunnya deo yang dipanggil *Kumantan*. Seandainya dalam suatu gerak yang dilakukan, *Kemantan* tidak dapat petunjuk dari deo tertentu, maka *Kemantan* mencuba untuk memanggil deo lainnya dengan cara menukar jenis lagu lain dan gerak yang lain pula. Begitulah seterusnya hal ini boleh saja berlangsung selama 3 malam berturut-turut sampai *Kemantan* mendapat petunjuk dari deo yang dipanggil, namun demikian kadang-kadang dengan hanya melakukan empat sampai lima jenis gerakan, *Kemantan* sudah mendapat petunjuk untuk pengubatan yang mesti dilakukan.

Dalam upacara pengubatan *Badeo* tidak hanya menggunakan instrumen gendang dan gong saja, akan tetapi juga menggunakan vokal, iaitu nyanyian lagu-lagu yang menggunakan bahasa Petalangan. Lagu yang dinyanyikan memiliki perbedaan sesuai dengan permintaan *Kemantan* yang mencuba untuk memanggil *deo* lainnya, dan begitulah seterusnya sampai *Kemantan* mendapatkan petunjuk dari *deo* yang dipanggil.

Lagu yang pada musik *Badeo* langsung dinyanyikan oleh *Kemantan*, kerana hanya *Kemantan* lah yang dapat merasakan apabila roh sudah

menyatu atau belum ke dalam jiwa *Kemantan*. Lagu yang dibawa oleh *Kemantan* lebih dikenal dengan kata mantra. Adapun lagu (mantra) yang dinyanyikan membentuk prosa ab-ab. Untuk lebih jelasnya penulis paparkan mantra-mantra yang terdapat pada upacara *Badeo* di bawah ini yang diambil dari beberapa bait mantra, antara lain:

1. *Anak sao lingke, balingke mai boanak La sambilan iku*
Duduk bangun antu tike
Koje deo-deo tatidu
 (Anak ular sawa melingkar, berlingkar lagi beranak sudah sembilan ekor
 Duduk bangun hantu tikar
 Kejar dewa-dewa tertidur)
2. *Pinjam tukul pinjam landean*
Untuk pemukul kalak kati
Pinjam dusun pinjamlah taman
Untuk tompat bermain malam ini
 (Pinjam pemukul pinjam alas pemukul
 Untuk memukul Kalak Kati (musuh)
 Pinjam dusun pinjamlah taman
 Untuk tempat bermain malam ini)
3. *Elok di sosa baju abang*
Jangan disongat polo-polo
Elok diubah laku abang
Jangan membuat gondou-gondou
 (Bagus di cuci baju abang
 Jangan disengat kuman
 Bagus dirubah perilaku abang
 Jangan membuat ribut)
4. *Kain selendang kuyaknyo panjang*
Indak dapat dijait lagi
Lagi abang sudah meajuk panjang
Indak dapat dipujuk lagi
 (Kain selendang sobeknya panjang
 Tidak dapat dijahit lagi
 Lagi abang sudah merajuk panjang
 Tidak dapat dipujuk lagi)
5. *Uwang menubo kesungai nilo*
Uwang mencangkul kesawah
Selamat tinggal tanjung puso
Ambo pai ketanah Jawa

(Orang menuba ke sungai nilo
Orang mencangkul kesawah
Selamat tinggal tanjung puso
Saya pergi ke tanah Jawa)

Belian

Pada upacara pengobatan tradisional seperti Belian, para Dukun, Kemantan, Bomo dan Pawangnya meminta obat dan pertolongan kepada makhluk-makhluk ghaib itu, yang mereka panggil: “Akuan”, “Keramat”, “Sidi”, “Sati”, “Dia” dan sebagainya. Pelaksanaan acara pengobatan Belian tidak jauh berbeda dengan acara pengobatan bedeo. Peralatan dan bahan dalam membuat perlengkapan Belian hampir sama dengan Bodeo. Namun saja bentuk dan jumlah serta nama jenis perlengkapan saja yang berbeda. *Belian* juga punya *Kemantan* serta *Pebayu* yang dapat membantu perjalanan si *Kemantan* dalam prosesi pengobatan. Dalam Pelaksanaan Belian pada tujuannya adalah meminta obat kepada yang yang ghaib yang mereka sebut dengan akuan “soko”. Belian dilaksanakan apabila pengobatan secara ringan sudah tidak dapat dilakukan lagi dan *Belian* lah jalan terakhirnya. Dalam prosesi pengobatan harus mengikuti petunjuk si dukun agar akuan dapat mengabulkan permintaannya.

Berbagai “pantang larang” yang dipegang masyarakat, semuanya mengacu kepada kukuhnya kepercayaan mereka terhadap makhluk-makhluk ghaib itu, yang hakikatnya bertentangan dengan aqidah agama Islam.

Sebelum upacara ritual pengobatan *Belian* dilaksanakan, ada beberapa persyaratan ketentuan yang harus dipersiapkan. Untuk lebih jelasnya persyaratan yang harus dipersiapkan dapat dilihat di bawah ini:

Persyaratan upacara pengobatan *Belian*

- a. *Sanding*, disimbolkan berupa sejenis kendaraan darat yang diperbuat daripada pohon kelubi yang digunakan sebagai kendaraan *Kemantan* untuk menjumpai akuan melalui jalur darat yang bertujuan mencari obat untuk si sakit.
- b. *Balai*, disimbolkan sebagai rumah tempat “*persebatihan*” antara *kemantan* dengan makluk ghaib diperbuat daripada bahan yang sama iaitu pohon kelubi.
- c. *Lancang*, disimbolkan sebagai kapal laut yang diperbuat daripada bahan yang sama merupakan kendaraan untuk melalui jalur laut.

- Ketiga jenis perlengkapan di atas dihiasi dengan pelbagai macam anyaman yang bahannya daripada daun palma (kopau).
- d. *Ketobung (gendang)*, untuk mengantar dan menentukan jalan yang dituju sesuai dengan irama pukulan gendang diiringi dengan mantra mantaranya.
 - e. *Gonto (genta)*, sebagai alat pemberitahu dalam upacara pengubatan.
 - f. *Puan*, tempat persembahan yang dihias dengan hiasan daun kopau dan bunga-bunga yang dibentuk sedemikian rupa untuk tempat persembahan.
 - g. *Lilin*, sebagai alat penerang/penunjuk jalan.
 - h. *Damar*, sebagai penerang dan memiliki kekuatan ghaib.
 - i. *Mangkuk Limau*, mangkuk yang berisi limau sebagai ubat penawar bagi yang sakit.
 - j. *Bertih*, dipergunakan sebagai tanda pemberi hormat kepada yang ghaib (akuan).
 - k. *Tikar Selapis*, dipergunakan untuk tempat acara belian dan untuk tempat mengubati orang yang sakit.
 - l. *Mayang*, terbuat dari daun kopau yang berguna untuk senjata *Kemantan* apabila ada hambatan dalam perjalanannya menuju yang sakti.

Tempat dan waktu penyelenggaraan upacara *Belian*

Berdasarkan data di lapangan bahawa seorang *Kemantan* terlebih dahulu menentukan tempat dan waktu yang terbaik dalam melaksanakan upacara ini. Dengan memberikan upacara dan sesaji yang telah disiapkan sebelumnya kepada *dewa-dewa* yang akan dipanggil. Pelaksanaan upacara ini disesuaikan dengan situasi dan keadaan yang ada. Jika untuk mengubati orang sakit biasanya dilakukan di dalam rumah, dan jarang dilakukan di tengah lapangan. Waktu pelaksanaannya dilakukan pada malam hari pukul 2300 sampai selesai.

Proses ritual *Belian*

Prosesi pengubatan *Belian* dilaksanakan pada malam hari. Pelaksanaan *Belian* agak berbeza daripada *Badeo*. Namun pada awalnya *kemantan* mempersiapkan perlengkapan dan diiringi dengan pukulan ketobung (gendang) dengan melakukan gerakan biasa sambil duduk sambil

membaca mantra mantra. Berdasarkan data di lapangan bahawa tata cara yang harus dilakukan dalam upacara ini antara lain:

- a. ***Berjungkuh (sujud)***, merupakan sujud awal petanda telah dimulai dan memohon kepada yang ghaib untuk perjalanan dalam pengubatan belian agar dapat kemudahan.
- b. ***Tegak berjalan***, merupakan berjalan mencari ubat sesuai kenderaan yang dipakai dan sesuai dengan irama gendang (ketobung) dalam perjalanan *kemantan* menuju yang sakti.
- c. ***Mengubati si sakit***, *Kemantan* kembali membawa ubat apabila dikabulkan oleh yang *ghaib* dan *Kemantan* terus mengubati orang yang sakit sambil membaca mantra mantra agar yang sakit segera sembuh dan terhindar dari penyakit yang lebih parah.

Adapun para pelaku pengubatan Belian, iaitu:

- a. ***Kemantan***, sebagai dukun pengubatan dalam upacara *Belian*.
- b. ***Pebayu***, ilmunya di bawah *Kemantan* tugasnya menjaga *Kemantan* apabila *Kemantan* mengalami tingkah di luar sadar.
- c. ***Pelengkap***, bertugas mempersiapkan upacara *Belian*.
- d. ***Pemusik***, orang yang memainkan ketobung (*gendang*) dan irama sesuai permintaan *Kemantan* dalam perjalannya menuju yang sakti.

Kutipan di atas memperlihatkan bahawa yang diseru oleh kemantan adalah keramat-keramat yang menjadi "akuan" nya seperti: Keramat Olang Putei Berantai Perak, Keramat Budak Kocit Seibu Agam, Keramat Bia Sati, dan sebagainya yang jumlahnya berpuluh-puluh dan tidak sepatahpun di dalam mantra ini yang menyebutkan nama Allah SWT. Hal inilah yang merupakan budaya mereka yang sampai saat ini masih mereka pertahankan.

KESIMPULAN

Begitu tinggi dan luhurnya sistem perubatan orang Petalangan, sehingga mereka sangat yakin akan kemujaraban perubatan tersebut, dengan tetap menjaga dan melindungi sistem perubatan leluhur mereka, namun kerana hampir sebahagian besar peralatan dan benda-benda yang digunakan dalam sistem perubatan mereka bersumber dari alam persekitarannya, dan alam persekitaran mereka sudah teruk oleh pelbagai kegiatan

perusahaan dan perambah, maka sangat dikhutirkan sistem perubatan tradisional orang Petalangan lambat laun juga pasti akan punah.

RUJUKAN

- Foster, G.M. & Anderson, B.G. 2006. *Antropologi Kesehatan*. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia.
- Frazer, P. 2001. *Staying Power: The History of Black People in Britain*. London: Pluto Press.
- Koentjaraningrat. 2001. *Beberapa Pokok Antropologi Sosial*. Jakarta: Dian Rakyat.
- Malinowski, B. 2004. *Frontier of Anthropology*. New York: Ashley Montagu, Putnams.
- Rienks, K. 2005. *Kinship Groups and Social Structure*. New York: Washington Press.
- Sugihen, Bahrein. 1996. *Sosologi Pedesaan*. Jakarta: Raja Grafindo.
- Suparlan, Parsudi. 2004. *Manusia, Kebudayaan dan Lingkungan*. Jakarta: PT. Rajawal.

Yoserizal

Pensyarah Sosiologi

Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik

Universitas Riau

Kampus UNRI Panam, Jalan Raya Pekanbaru-Bangkinang, km 12.5

Pekanbaru, INDONESIA.

E-mail: yose_rizal59@yahoo.com

Jamaluddin Md. Jahi, Ph.D.

Felo Utama

Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.

E-mail: jamalmj1949@gmail.com